

15/03/1999

Barisan makin mendapat sokongan Kadazandusun

PENAMPANG, Ahad - Bekas Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok berkata hasrat Barisan Nasional (BN) membawa masyarakat Kadazandusun ke dalam arus perdana pembangunan negara, kini semakin mendapat reaksi positif.

Menurutnya, ia ditunjukkan melalui kemenangan dua calon Parti Demokratik Sabah (PDS) di Kuala Penyu dan Ranau, manakala dua calon lain walaupun kalah, berjaya memberi tentangan sengit.

"Ia berjaya menunjukkan sokongan terhadap penubuhan PDS sebagai parti yang mewakili kaum Kadazandusun semakin meningkat.

"Saya fikir semakin ramai kaum Kadazandusun sudah dapat menerima mesej bahawa cara terbaik untuk memajukan mereka ialah melalui BN dan kempen ini akan kami teruskan," katanya di kediamannya di sini awal pagi ini.

Sebelum itu, Dompok yang juga Presiden PDS dikunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan mengadakan perbincangan hampir sejam.

Dompok gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Moyog yang dimenangnya sejak 1986, apabila tewas kepada calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Clarence Bongkos Malakun, dengan majoriti 4,388 undi.

Moyog dikenali kubu kuat PBS dan Dompok memenangi kawasan berkenaan dengan tiket parti pembangkang itu pada 1986 dan 1990, sebelum bertindak meninggalkannya untuk menubuhkan PDS yang kemudiannya menjadi parti komponen BN.

Dompok yang juga Pengerusi BN Negeri berkata beliau tidak menyesal bertanding di Moyog kerana hasratnya menyertai pilihan raya semata-mata untuk memajukan kaum Kadazandusun di kawasan itu setanding dengan arus perdana kemajuan negara.

"Saya terima kekalahan itu, tidak menyesal, memang saya sendiri mahu bertanding di Moyog, kerana saya percaya walaupun ada desakan supaya berpindah ke kawasan lain dan kemudian menang, ia sebenarnya tidak akan dapat memenuhi hasrat untuk memajukan pengundi di kawasan itu.

"Saya sudah bercakap dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau begitu mahukan saya menyambung tugas Ketua Menteri bagi meneruskan agenda pembangunan, tapi keputusan itu adalah kehendak rakyat dan saya terima dengan terbuka," katanya.

Menurut beliau, ia bukan bermakna penduduk di Moyog menolak BN, sebaliknya sokongan didapati semakin bertambah berbanding peratus undi yang diterima beliau ketika bertanding bagi kerusi Parlimen, iaitu kira-kira setahun selepas meninggalkan PBS.

Beliau berkata, berdasarkan maklum balas yang diterima sebelum ini, beliau yakin menang di Moyog, tetapi kempen berasaskan sentimen yang dilakukan PBS didapati sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi pemikiran pengundi khususnya di peringkat akar umbi.

Mengenai kenyataannya akan berundur jika tewas, Dompok berkata: "Secara peribadi, saya mengotakan setiap apa yang diperkatakan, jadi saya akan duduk dan beritahu semua ahli Majlis Tertinggi (MT) PDS apa yang saya maksudkan.

"Mesej saya ialah PDS perlu terus bekerja keras memastikan pembangunan kaum Kadazandusun, oleh itu satu mesyuarat dengan semua MT akan diadakan tidak lama lagi dan beritahu mereka hasrat sebenar saya.

"Sebelum pertemuan dengan semua ahli MT itu diadakan, saya tidak mahu mengulas lanjut mengenainya," katanya.

(END)

